

# GARIS PANDUAN **PENSIJILAN**



## **SEKTOR TERNAKAN**

No. Dokumentasi: GL 0004:2017

EDISI PERTAMA 2017





# GARIS PANDUAN **PENSIJILAN**



## **SEKTOR TERNAKAN**

No. Dokumentasi: GL 0004:2017

EDISI PERTAMA 2017



Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Malaysia

## BUKU GARIS PANDUAN PENSIJJILAN myOrganic SEKTOR TERNAKAN

Cetakan Pertama 2017  
Hak Cipta Terpelihara © Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan di Malaysia oleh

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Bahagian Diagnostik Dan Kepastian Kualiti  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,  
Aras 2, Blok Podium 1A, Lot 4G1,  
Wisma Tani, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia  
Tel : 03-8870 2022  
Fax : 03-8888 5755  
Website : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

ISBN 978-967-0176-27-7

# KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	iv
1.0 <b>TUJUAN</b>	01
2.0 <b>SKOP PENSIJILAN</b>	01
3.0 <b>UNDANG-UNDANG DAN BAHAN RUJUKAN BERKAITAN</b>	01
4.0 <b>TAKRIFAN</b>	02
4.1 Perubatan Alternatif	
4.2 Tempoh Peralihan	
4.3 Konvensional	
4.4 Organik	
4.5 Ternakan Organik	
5.0 <b>KELEBIHAN HASIL TERNAKAN DARI LADANG myOrganic</b>	03
6.0 <b>KRITERIA PENSIJILAN</b>	04
6.1 Kemudahan dan Pengurusan Ladang	
6.2 Pengurusan Sumber Ternakan	
6.3 Program Kesihatan Ternakan	
6.4 Penggunaan Ubat-ubatan	
6.5 Pengurusan Sumber Makanan	
6.6 Pengurusan Sumber Minuman	
6.7 Penyembelihan	
6.8 Penyimpanan	
6.9 Pengangkutan	
6.10 Pengurusan Sisa Ladang dan Pencemaran	
6.11 Pengurusan Kawalan Makhluk Perosak	
6.12 Pengurusan Rekod	
7.0 <b>PROSEDUR PERMOHONAN</b>	09
8.0 <b>KADAR CAJ PERKHIDMATAN</b>	09
9.0 <b>PROSES PENILAIAN PENGAUDITAN</b>	09
10.0 <b>JENIS-JENIS AUDIT</b>	09
11.0 <b>TEMPOH SAH LAKU SIJIL myOrganic</b>	10
12.0 <b>PEMBAHARUAN SIJIL</b>	10
13.0 <b>PEMBATALAN SIJIL</b>	10
14.0 <b>PENGGUNAAN LOGO</b>	11
15.0 <b>KAEDAH PELAKSANAAN myOrganic</b>	11
16.0 <b>JAWATANKUASA TEKNIKAL SKIM PENSIJILAN DVS</b>	12
17.0 <b>JAWATANKUASA PENGANUGERAHAN SKIM PENSIJILAN DVS</b>	13
<b>PENGHARGAAN</b>	13



## GARIS PANDUAN PENSIJILAN myOrganic SEKTOR TERNAKAN

### PENGENALAN

Amalan pengeluaran secara organik adalah antara cara terbaik untuk pengusaha ternakan menghasilkan dan memasarkan ternakan dan hasilan ternakan yang berkualiti dan produk akhir yang selamat untuk dimakan. Penternakan organik merupakan satu sistem penternakan yang tidak melibatkan penggunaan drug veterinar dan bahan kimia berbahaya dalam proses pengeluaran di samping memelihara alam sekitar.

Pensijilan organik di Malaysia pada awalnya telah dibangunkan oleh Jabatan Pertanian bagi sektor tanaman yang dahulunya dikenali sebagai Skim Organik Malaysia (SOM). Seiring dengan peningkatan permintaan pengguna terhadap makanan daripada hasilan organik, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia memperkenalkan skim pensijilan myOrganic untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha tanaman, ternakan dan akuakultur menghasilkan produk organik dari ladang mereka.

myOrganic merupakan penjenamaan semula skim pensijilan organik bagi sektor tanaman, ternakan dan akuakultur. Pensijilan yang komprehensif ini dibangunkan untuk mengiktiraf ladang-ladang tanaman, ternakan dan akuakultur yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan.

Skim pensijilan organik bagi subsektor ternakan telah dimulakan dengan pensijilan ladang ternakan ayam organik yang dilaksanakan berlandaskan garis panduan pengeluaran ayam organik; *Guidelines for Organic Chicken Production* (GL 0002:2014). Garis panduan tersebut dijadikan asas untuk membangunkan skim pensijilan organik bagi lain-lain jenis ternakan.

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan asas mengenai pelaksanaan pensijilan dan keperluan penternakan organik bagi melayakkan ladang ternakan dianugerahkan sijil myOrganic.

## **2.0 SKOP PENSIJILAN**

Skop pensijilan myOrganic sektor ternakan adalah meliputi pemeriksaan veterinar ke atas ladang dari aspek sumber ternakan, sumber makanan, kemudahan dan pengurusan ladang ternakan, pengurusan kesihatan, penyembelihan, penyimpanan produk, pengangkutan, pengurusan sisa, kawalan makhluk perosak, dan penyimpanan rekod. Dengan itu, ternakan atau hasil ternakan daripada ladang yang mempunyai pensijilan myOrganic dibenarkan menggunakan logo myOrganic.

## **3.0 UNDANG-UNDANG DAN BAHAN RUJUKAN BERKAITAN**

- 
- a) Akta Binatang, 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]
  - b) Akta Doktor Veterinar, 1974 [Akta 147]
  - c) Buku garis panduan *Guidelines for Organic Chicken Production (GL 002:2014)*
  - d) Skim Organik Malaysia (SOM)
  - e) MS 2027:2006, *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*
  - f) Siri buku panduan Amalan Baik Penternakan Haiwan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, MOA
  - g) Protokol Veterinar Malaysia: Kawalan Penyakit
  - h) Penyakit Wajib Lapor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2008

## **4.0 TAKRIFAN**

### **4.1 Perubatan alternatif**

Pelbagai amalan penjagaan kesihatan untuk rawatan atau pencegahan, seperti Ayurveda, homeopati, naturopati dan perubatan herba, yang tidak mengikuti kaedah perubatan konvensional dan mungkin tidak mempunyai penjelasan saintifik untuk keberkesanannya. Penggunaan pembedahan dan ubat-ubatan alopati hendaklah dielakkan dalam amalan ini.

### **4.2 Tempoh peralihan**

Tempoh peralihan dari ladang konvensional kepada organik; masa antara permulaan pengurusan organik dan penerimaan tanaman dan penternakan haiwan sebagai organik.

### **4.3 Konvensional**

Mana-mana bahan, pengeluaran atau amalan pemprosesan yang tidak organik atau dalam tempoh peralihan kepada organik.

### **4.4 Organik**

Istilah pelabelan yang menandakan produk yang telah dihasilkan mengikut piawai pengeluaran organik dan disahkan oleh sebuah badan pensijilan yang ditubuhkan dengan sewajarnya atau pihak berkuasa.

### **4.5 Ternakan organik**

Ternakan yang diternak dengan mematuhi standard penternakan organik.

## **5.0 KELEBIHAN HASIL TERNAKAN DARI LADANG myOrganic**

1. Dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan.
  - Ternakan dan hasil ternakan dari ladang myOrganic dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan.
  - Ternakan dan hasilan ternakan ayam daripada ladang organik adalah bebas hormon, antibiotik dan lain-lain drug veterinar.
2. Bebas daripada bahan kimia sintetik.
  - Amalan di ladang yang tidak menggunakan bahan kimia sintetik.
  - Kawalan perosak menggunakan kawalan biologik, mekanikal dan fizikal.
3. Memelihara alam sekitar.
  - Amalan di ladang yang mengekalkan pemeliharaan alam sekitar dan mengelakkan pencemaran.
4. Keselamatan pekerja terjamin.
  - Ladang yang mendapat myOrganic menitikberatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

## **6.0 KRITERIA PENSIJILAN**

Pelaksanaan pensijilan myOrganic adalah berdasarkan Amalan Penternakan Baik (*Good Animal Husbandry Practice - GAHP*) yang merangkumi kriteria berikut:

### **6.1 Kemudahan dan Pengurusan Ladang**

#### **a) Program Biosekuriti**

Pengusaha ladang perlu mewujudkan program biosekuriti untuk mencegah kemasukan agen pembawa penyakit ke dalam ladang. Contoh: Ladang hendaklah mempunyai pagar perimeter dan kawalan terhadap pekerja dan pelawat ladang.

#### **b) Program Nyahkuman**

Reban, kenderaan dan peralatan perlu dinyahkuman menggunakan bahan organik dengan kaedah yang betul.

#### **c) Premis dan Infrastruktur**

- i. Pemilihan tapak yang bersesuaian mengikut jenis ternakan.
- ii. Susun atur ladang yang sesuai dan infrastruktur yang menyokong implementasi biosekuriti.
- iii. Kawasan pengeluaran dibina berasingan dari kawasan bukan pengeluaran. Pagar dibina memisahkan antara keduanya dan sebagainya.
- iv. Tempat tinggal pekerja dibina berasingan daripada kawasan pengeluaran.
- v. Menyediakan bangunan dan kemudahan yang sesuai dengan operasi yang dijalankan.
- vi. Menyediakan peralatan yang sesuai.

## **6.2 Pengurusan Sumber Ternakan**

Sumber ternakan perlu diperolehi dari ladang organik. Sekiranya sumber diperolehi daripada ladang konvensional, ternakan perlu melalui proses peralihan mengikut tempoh yang ditetapkan bergantung kepada jenis ternakan.

## **6.3 Program Kesihatan Ternakan**

Status penyakit di ladang perlu dipantau secara berjadual. Rekod pemantauan kejadian penyakit dan kematian ternakan perlulah lengkap, teratur dan dikemaskini. Dokumen bertulis berkenaan program kesihatan perlu disediakan dan dilaksanakan dengan betul.

Program ini memastikan ternakan sihat dan program kesihatan ternakan dikawal selia. Penyakit wajib lapor yang disyaki berlaku pada ternakan di ladang wajib dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Program kesihatan ternakan termasuk program vaksinasi dan program saringan penyakit.

## **6.4 Penggunaan Ubat-ubatan**

Penggunaan ubat-ubatan mesti berdasarkan sumber bahan organik dan perubatan alternatif seperti homeopati, ayurveda dan herba. Sekiranya penggunaan perubatan alternatif tidak berkesan, perubatan konvensional yang melibatkan penggunaan drug veterinar atau antibiotik untuk rawatan boleh digunakan di bawah pengawasan pegawai veterinar (bagi tujuan menjaga kebijikan haiwan). Walau bagaimanapun, penggunaan antibiotik dan drug veterinar lain boleh menyebabkan ternakan hilang status organik - hasilan daripada kumpulan ternakan yang telah dirawat dengan drug veterinar tidak dibenarkan dilabel dengan label myOrganic. Penggunaan drug veterinar untuk tujuan pencegahan dilarang sama sekali.

## **6.5 Pengurusan Sumber Makanan**

Sumber makanan mestilah dari:

- Semula jadi:

- a) Sumber daripada tumbuhan yang ditanam secara organik dan diselia secara organik (tanpa baja kimia, racun kimia, pencuci kimia).

Contoh :

- Pastura/ foraj (ternakan lepas bebas)
- Pisang(direbus), Ubi keledek/kayu, kacang tanah, jagung organik, pelbagai kekacang (contoh: kacang parang)

- b) Sumber produk haiwan (Organik)

Contoh :

- Mil ikan, Black soldier fly larva (Hermetia illucens), cacing, cengkerik

- Campuran sendiri/Makanan komersial: Makanan ternakan organik sama ada daripada sumber tumbuhan herba atau makanan ternakan yang diformulasi secara khas dan berdaftar dengan DVS serta mendapat pengesahan bebas penggunaan antibiotik, ‘antimicrobial growth promoter’ (AGP), hormon atau lain-lain bahan kimia sintetik (cth. coccidiostat) dalam formulasi makanan.
- Kandungan bahan dalam makanan hendaklah dipantau melalui ujian makmal yang diperakui oleh jabatan secara berjadual.

## 6.6 Pengurusan Sumber Minuman

- Air minuman mestilah daripada sumber yang bersih dan selamat untuk diminum.
- Tiada campuran antibiotik, drug veterinar dan bahan kimia dalam minuman.
- Pencemaran air minuman hendaklah dielakkan.

- Kandungan dan kualiti air perlu dipantau melalui ujian makmal yang diperakui oleh jabatan secara berjadual.

## 6.7 Penyembelihan

Premis penyembelihan mestilah berdaftar dengan DVS. Premis penyembelihan hendaklah mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam kod amalan veterinar: *Code of Veterinary Practice for Poultry Processing Plant, Code of Veterinary Practice for Ruminant Abattoir* dan *Code of Veterinary Practice for Pig Abattoir*, serta Manual Rumah Penyembelihan Tempatan untuk Abattoir Ruminan.

Ternakan perlu dipastikan sihat dan sesuai untuk disembelih. Penyembelihan perlu dibuat dengan mengambil kira aspek kebaikan haiwan, dengan cara yang dapat mengurangkan stres dan tidak mengakibatkan penderitaan kepada ternakan.

## 6.8 Penyimpanan

Hasilan organik mestilah diasingkan daripada bercampur dengan hasilan bukan organik pada setiap masa, serta tidak bersentuhan dengan bahan-bahan yang tidak dibenarkan dalam penternakan organik. Hasilan organik mestilah dilabel dengan jelas.

Kawasan penyimpanan dan bekas penyimpanan untuk produk organik mestilah dibersihkan dengan menggunakan kaedah dan bahan yang dibenarkan dalam pengeluaran organik.

## 6.9 Pengangkutan

Pengangkutan ternakan mesti dikendalikan dalam keadaan yang tidak mendatangkan kecederaan dan dapat meminimakan stres terhadap ternakan. Ternakan mesti terlindung daripada cuaca buruk semasa proses pengangkutan. Ternakan perlu diangkut terus dari ladang ke destinasi akhir dalam tempoh yang singkat.

## **6.10 Pengurusan Sisa Ladang dan Pencemaran**

Sisa ladang termasuk ternakan yang mati dilupuskan dengan baik supaya tidak menimbulkan masalah pencemaran dan gangguan kepada persekitaran serta punca penyakit.

## **6.11 Pengurusan Kawalan Makhluk Perosak**

Kebersihan persekitaran ladang dan premis hendaklah sentiasa dijaga. Rumput dan tumbuhan di dalam kawasan ladang perlu diselenggara dengan baik supaya tidak menjadi tempat penggalak pembiakan makhluk perosak. Perangkap makhluk perosak boleh digunakan sebagai langkah pengawalan.

## **6.12 Pengurusan Rekod**

Semua rekod ternakan perlu disimpan dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memudahkan daya jejak. Rekod-rekod yang mesti disimpan dan dikemaskini adalah:

- a) Rekod pembiakan dan perolehan sumber ternakan;
- b) Rekod pemberian vaksin;
- c) Rekod kesihatan – termasuk rawatan dan ubatan yang diberikan kepada ternakan, tempoh kuarantin dan pengenalpastian haiwan yang mendapat rawatan;
- d) Rekod pemberian makanan dan sumber bahan makanan;
- e) Rekod pergerakan ternakan;
- f) Rekod pengangkutan, penyembelihan dan/atau jualan; dan
- g) Rekod pemprosesan dan penyimpanan semua produk hasilan ternakan.

## 7.0 PROSEDUR PERMOHONAN

### Borang Permohonan

Borang permohonan myOrganic boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau dimuat turun melalui portal rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, <http://www.dvs.gov.my>. Permohonan boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia,  
Aras 2, Blok Podium 1A, Lot 4G1,  
Wisma Tani, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya

## 8.0 KADAR CAJ PERKHIDMATAN

Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk perkhidmatan dan pensijilan myOrganic.

## 9.0 PROSES PENILAIAN PENGAUDITAN

Proses penilaian bermula daripada penerimaan borang permohonan. Penilaian terdiri daripada seperti berikut:

- Audit Dokumen (Adequacy Audit)
- Audit Pematuhan (Compliance Audit )
- Audit Pemantauan (Surveillance Audit)
- Audit Pemeriksaan Semula (Review Audit)

## 10.0 TEMPOH SAH LAKU SIJIL myOrganic

Tempoh sah laku sijil myOrganic adalah **2 tahun**.

## 11.0 PEMBAHARUAN SIJIL

- a) Pembaharuan sijil dijalankan pada setiap **2 tahun**.
- b) Pembaharuan sijil juga dilakukan jika terdapat perubahan-perubahan seperti penambahan aktiviti ladang selepas dianugerahkan sijil myOrganic, perubahan teknologi penternakan, perubahan pihak pengurusan dan perubahan alamat ladang.
- c) Audit pemeriksaan semula dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam 2 tahun bagi pembaharuan sijil.
- d) Sijil pembaharuan diluluskan kepada semua ladang kecuali ladang yang mempunyai ketidakakuratan. Sijil pembaharuan ladang tersebut diluluskan selepas arahan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan memuaskan bagi ketidakakuratan yang dikeluarkan.

## 12.0 PENGGANTUNGAN SIJIL

- a) Ladang didapati melakukan penyimpangan dari amalan penternakan secara organik.
- b) Tiada tindakan susulan terhadap ketidakakuratan yang dikenalpasti semasa pemeriksaan semula (*review audit*).

## 13.0 PENARIKAN / PEMBATALAN SIJIL

Penganugerahan sijil boleh dibatalkan dalam keadaan seperti berikut:

- a) Perubahan lokasi premis operasi selain daripada yang didaftarkan ketika penganugerahan.
- b) Perubahan dalam pengurusan syarikat yang dibuat tanpa pengetahuan DVS.

- c) Perubahan pada sistem operasi berbanding dengan sistem yang telah diluluskan ketika penganugerahan tanpa pengetahuan DVS.
- d) Penarikan diri daripada program secara sukarela.
- e) Tiada tindakan pembetulan untuk perkara 12.0 a) dan b) selepas 6 bulan

## 14.0 PENGGUNAAN LOGO

Ternakan yang telah diberikan rawatan menggunakan drug veterinar tidak dibenarkan menggunakan logo myOrganic dan perlu dimaklumkan kepada pihak DVS.

## 15.0 KAEDAH PELAKSANAAN myOrganic

Proses untuk pensijilan dan perakuan melibatkan beberapa proses kerja seperti yang berikut:

- i. Permohonan oleh pemilik ladang;
- ii. Proses penilaian permohonan;
- iii. Pemeriksaan ladang dan verifikasi amalan penternakan organik;
- iv. Penilaian dan pengesyoran oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS; dan
- v. Penganugerahan pensijilan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS.

## **16.0 JAWATANKUASA TEKNIKAL SKIM PENSIJILAN DVS**

Pengerusi adalah Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti. Ahli - ahli terdiri daripada:

- Pengarah Makmal Kesihatan Awam Veterinar
- Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan
- Ketua Seksyen Pembangunan Sistem Kualiti
- Ketua Seksyen Pemeriksaan Veterinar
- Ketua Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/ Eksport
- Ketua Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam
- Ketua Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
- Ketua Seksyen Tenusu
- Ketua Seksyen Babi
- Ketua Seksyen Pedaging
- Ketua Seksyen Uggas
- Ketua Seksyen Aneka Haiwan
- Ketua Seksyen Industri Asas Ternakan
- Ketua Seksyen Pengurusan Abatoir

Peranan Jawatankuasa ini adalah menilai dan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS. Mesyuarat Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya 6 kali setahun.

## **17.0 JAWATANKUASA PENGANUGERAHAN SKIM PENSIJILAN DVS**

- Pengerusi adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- Ahli-ahli terdiri daripada:
  - i. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar)
  - ii. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
- Peranan jawatankuasa ini adalah mempertimbang dan membuat keputusan setelah menerima dan menilai laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS.
- Jawatankuasa Penganugerahan ini boleh diadakan secara mesyuarat atau edaran.

### **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung maupun tidak langsung atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi menjayakan penyediaan dan penerbitan buku ini.

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN myOrganic



# BORANG PERMOHONAN

DVS/myOrganic No.1		
<b>PERMOHONAN SKIM PENSIJILAN DVS</b> <b>APPLICATION FOR DVS CERTIFICATION SCHEME</b>		
	<b>DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA</b>  Wisma Tani, Podium Block 1A, Lot 4G1, Precinct 4, Federal Government Administrative Centre, 62630 Putrajaya, Malaysia Tel: 603-88702022 Fax: 603-88885755	

## (A) Sila Lengkapkan Maklumat Berikut:

(Please fill in the required information)

1. Nama Pemohon: Applicant's Name:	2. Tarikh: Date :
3. E-mail (jika ada): E-mail ( if available):	
4. Nama dan alamat Syarikat: Company Name and Address:	5. No Telefon : Telephone No :  6. No Fax: Fax No:
7. Nama dan Alamat Premis/Ladang (jika berlainan): Premise Name and Address (if different):	8. No. Kod Ladang (Jika Ada): Farm code No (if available):
9. Jenis operasi ladang(Sila tandakan / & bulatkan maklumat yang berkaitan):  Type of Farm Operation (Please tick (/) & circle the relate information:  1. <input type="checkbox"/> Premis Perladangan Ayam (Poultry Farming):(Baka (GPS/PS)/Pedaging/Penelur/Pusat Penetasan) (Breeder (GPS/PS)/Broiler/Layer/Hatchery)  2. <input type="checkbox"/> Lain-lain (Others) Sila nyatakan (Please state).....	10. No Lesen Premis/ladang (dari DVS/ Majlis Tempatan, jika ada):  Premis/farm Licence No (from DVS/ Local Authority, if available):
11. Nyatakan tempoh ladang telah beroperasi secara organik: .....	

**(B) AMALAN PENTERNAKAN ORGANIK:**  
**ORGANIK ANIMAL HUSBANDRY PRACTICE**

12. Sila lengkapkan dokumen pada borang yang berkaitan seperti berikut.:

- 12.1  AP/DVS/myOrganic No. 1A: Maklumat pengurusan Amalan Perladangan Organik bagi ternakan Ayam/Iistik (*Information of Organic Poultry farming*)

**(C) DECLARATION BY FARM MANAGER/OWNER**

I declare that the information given above are true and correct. The company under takes to comply with all requirements of the myOrganic Certification of Department of Veterinary Services Malaysia.

.....  
Signature

.....  
Company Name and Stamp

.....  
Name and Designation

.....  
Date

**(D) Witness to Signatory (checked and verify by)**

.....  
Signature: (Registered Veterinarian)

Name: .....

Registration No:.....

Date:.....

**(D) Witness to Signatory (checked and verify by)**

Comments:  
.....  
.....  
.....

Signature and Official Stamp : .....

Name : .....

Designation of DVS Officer : .....

Date : .....





**Bahagian Diagnostik Dan Kepastian Kualiti**  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Aras 2, Blok podium 1A, Lot 4G1,  
Wisma Tani, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tanaman  
Malaysia  
62630 PUTRAJAYA  
T: 03-8870 2022  
F: 03-8888 5755

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)